

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PLG 222 Psikologi Pendidikan (I)  
(Teori-Teori Pembelajaran)

Masa : [2 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. [a] Bincangkan mengenai perbezaan dan persamaan di antara Pelaziman Klasik dan Pelaziman Operan.  
[b] Pilih Pelaziman Klasik ATAU Pelaziman Operan dan berikan TIGA kelakuan di bilik darjah yang mencontohi konsep itu.

[100 markah]

2. Pavlov berpendapat bahawa bahasa ialah suatu faktor penting dalam pembentukan tingkahlaku. Dalam konteks ini terangkan konsep-konsep :

- [i] pelaziman simantik dan
- [ii] sistem isyarat kedua,

dengan memberi contoh-contoh penggunaan bahasa yang sesuai.

[100 markah]

3. [a] Didapati bahawa ada beberapa angkubah-angkubah penting dalam proses pembentukan tingkahlaku melalui Pelaziman Operan. Bincangkan mengenai TIGA angkubah (variable) yang penting.  
[b] Terangkan konsep 'pengajaran terancang' (programmed instruction) dan kaitannya dengan Pelaziman Operan.

[100 markah]

...2/-

4. [a] Teori Penanggapan Gestalt menunjukkan beberapa kelemahan dalam teori-teori pembelajaran Behaviorisma. Bincangkan mengenai mereka.
- [b] Apakah prinsip-prinsip Gestalt yang patut diperhatikan pada waktu merekabentuk alat-alat bantu mengajar?

[100 markah]

5. [a] Terangkan bagaimana kita boleh buktikan bahawa ada ingatan jangka masa pendek dan panjang? (STM dan LTM).
- [b] Apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh seorang guru pada waktu mengajar supaya isikandungan STM itu dipindah ke LTM?

[100 markah]

6. [a] Terangkan perbezaan di antara ingatan imajeri (analog) dan ingatan simantik (analitik).
- [b] Berikan beberapa contoh daripada pengajaran di bilik darjah yang menunjukkan kepentingan imajeri dalam pembelajaran.

[100 markah]

-- oooo000oooo --